

16/06/1997

Deklarasi ditumpukan kepada semua bidang

Mior Kamarul Shahid in Istanbul

ISTANBUL, Ahad - Ketua-Ketua negara dan kerajaan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) yang menamatkan sidang puncak pertamanya di sini hari ini, memutuskan bahawa D8 akan menjadi forum yang tidak menjejaskan komitmen dua hala dan pelbagai hala bagi negara-negara anggota meskipun mereka menyertai pertubuhan antarabangsa dan serantau yang lain.

Dalam Deklarasi Istanbul yang ditandatangani oleh lapan pemimpin negara anggota - Malaysia, Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Nigeria, Pakistan dan Turki, menggariskan matlamat utama D8 adalah pembangunan sosioekonomi selaras dengan prinsip mementingkan 'keamanan bukan konflik, dialog bukan konfrantasi, kerjasama bukan eksploitasi, keadilan bukan pertindihan, kesamarataan bukan pilih kasih dan demokrasi bukan penindasan'.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menghadiri sidang puncak D8 dan menandatangani deklarasi itu.

Deklarasi Istanbul juga memutuskan bahawa kerjasama D8 akan tertumpu kepada semua bidang, termasuk perundingan politik dan penyelarasan dalam forum antarabangsa. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui ialah perdagangan, industri, komunikasi dan maklumat, kewangan, perbankan dan penswastaan, pembangunan luar bandar, sains dan teknologi, pertanian dan tenaga.

Ketua-ketua kerajaan dan negara itu juga menggalakkan penubuhan Majlis Perniagaan Bersama di kalangan Dewan Perniagaan dan Industri dan badan lain yang berkaitan di negara anggota dengan tujuan memulakan projek berasaskan tindakan kerjasama dan meningkatkan perniagaan yang konkrit di kalangan masyarakat perniagaan berasaskan prinsip dan matlamat D8.

(END)